
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JOW 353 - Teori Organisasi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

SOALAN 1 [20 markah]

Dalam pengurusan saintifik, Frederick Taylor menyatakan bahawa produktiviti akan meningkat jika pengkhususan kerja diutamakan. Bincangkan peninggalan (*legacy*) yang ditinggalkan Taylor serta penambahbaikan yang dilakukan oleh pengikut-pengikut beliau.

SOALAN 2 [20 markah]

Terdapat dua ciri utama teori motivasi dalam persekitaran kerja iaitu berorientasi kandungan (*content oriented*) dan berorientasi proses (*process oriented*). Huraikan tiga teori bagi **SETIAP** ciri tersebut.

SOALAN 3 [20 markah]

Bincang dan huraikan mengenai Teori Kontigensi (*Contingency Theory*) ke arah kepimpinan yang efektif dalam sesebuah organisasi.

SOALAN 4 [20 markah]

Inovasi amat diperlukan bagi sesebuah organisasi dalam mencapai matlamat yang disasarkan. Nyatakan peringkat-peringkat inovasi yang perlu dilalui oleh sesebuah organisasi.

SOALAN 5 [20 markah]

- (a) Apakah perbezaan antara perubahan yang dirancang (*planned change*) dengan perubahan yang muncul (*emergent change*)? (6 markah)
- (b) Huraikan Teori Kurt Lewin dalam perubahan dalam organisasi. (7 markah)
- (c) Terangkan **DUA (2)** idea dalam Teori Institusi (Institutional Theory). (7 markah)